

# SELAGI SUKARNO MENJADI PRESIDEN INDONESIA AKAN HANCUR?

[Makalah yang kita siarkan bersambung-sambung ini tidaklah kita akan siarkan jika sekiranya tidak bertujuan dan bermaksud supaya ada perubahan-perubahan yang berlaku di dalam pemerintahan Indonesia yang ditujukan semata-mata untuk keselamatan negara itu sendiri, ini tidak ditujukan sekali-kali untuk meruntuhkan atau mencela cita-cita Indonesia: Ulasan-ulasan yang ditujukan oleh penulis ini, menurut pandangan kita, menyentuh kedudukan orang-orang atau beberapa pemimpin yang dipandang menjadi sebab kepada kelemahan kedudukan negara Indonesia sekarang ini - dengan tidak sekali-kali diniatkan olehnya untuk meruntuhkan negara Indonesia. Sudah terang bahawa keadaan di Indonesia sekarang menghendaki bahasan-bahasan yang tepat dan jitu untuk kebaikannya. Oleh yang demikian maka makalah ini janganlah kiranya dipandang lain daripada itu, lain daripada cita-cita untuk meninggikan kedudukan negara Indonesia itu sendiri – P.]

(Oleh wakil khas kita)

Pada 10 haribulan Januari yang lalu Masyumi, sebuah pertubuhan besar di dalam Parlimen Indonesia dan sebuah pertubuhan yang kuat sekali kedudukannya di Sumatera dan pulau-pulau lain, selain daripada Jawa, dengan rasmi telah menarik Menteri-menterinya dari kabinet Ali Sastroamijoyo - Roem - Idham Khalid. Di dalam kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh pucuk pimpinan Masyumi menyatakan bahawa setelah beberapa lama memberikan saranan-saranan yang mustahak di dalam perkembangan-perkembangan yang ada diseluruh Indonesia dan melihat mustahaknya suatu jemaah menteri yang kuat yang dapat mempertanggungjawabkan untuk menyelesaikan keadaan di daerah-daerah itu, sebagai hasrat dari kehendak daerah-daerah yang diwakilinya itu tidak mendapat perhatian.

Sungguhpun keadaan-keadaan di Sumatera pada masa ini sedikit senyap dan reda tetapi, sebagai yang dikatakan oleh Tuan Muhammad Natsir, Ketua Umum Masyumi, di dalam akhbar-akhbar Jakarta bahawa keredaan itu tidaklah sebenarnya sudah menyelamatkan keadaan-keadaan tetapi yang sebenarnya adalah akan merumitkan lagi segala kejadian-kejadian yang berlaku di daerah di luar dari Pulau Jawa.

Untuk mengamankan segala tuntutan itu dan untuk penyelesaian yang ada serta untuk menahan supaya kejadian tidak puas hati itu merebak keseluruh Sumatera maka kerajaan Indonesia sekarang membuat suatu cara, di dalam keadaan-keadaan yang masih kusut, menunaikan permintaan-permintaan yang dikehendaki oleh daerah-daerah umpamanya memberikan bantuan wang kepada Sumatera

Tengah, memberikan tarif yang pertama kepada daerah Jambi yakni menjadikannya suatu daerah dan demikian juga kepada Riau sedang keadaan di Sumatera Timur perselisihan yang berlaku di antara ketua-ketua tentera – Simbulun dan Yamin. Genting dicari helah untuk melemahkan satu pihak atau melumpuhkan pihak yang lain dan seolah-olah daerah itu dianak tirikan jika dibandingkan kepada layanan-layanan yang diberikan oleh pemerintah pusat kepada daerah Sumatera Tengah yang sekarang telah dibagi dengan tiga bahagian iaitu Jambi, Riau dan Sumatera Tengah- padahal dahulunya daerah itu satu dan bersatu.

Apakah ertinya ini semuanya? Marilah kita mengkaji kedudukan latar belakang politik yang berlaku atau yang dimainkan di ibu kota. Pemerintahan yang ada sekarang yang diteruskan oleh Perdana Menteri Ali Sastroamijoyo adalah sebuah kerajaan yang dikehendaki oleh Presiden Sukarno supaya diteruskan yang sifatnya sudah tentu seperti sifat Jemaah Menteri Ali-Arifin dahulu yang mendapat sokongan kuat dari parti Komunis Indonesia. Inilah yang harus dikehendaki oleh Presiden Sukarno untuk menegakkan semua jemaah menteri yang dikuasi umumnya oleh pemimpin-pemimpin dari Jawa sahaja. Kekuasaan-kekuasaan daerah Jawa adalah dikehendaki dengan kuat dan kerana itulah terbit beberapa perselisihan pengertian di antara pemimpin-pemimpin Nahdatul Ulama' di dalam mana akhirnya terpaksa patuh kepada kehendak Rais al-Akbar Nahdatul Ulama' Kiyai Haji Abdul Wahab sekalipun ada di antara anggota-anggota Nahdatul Ulama' itu yang menghendaki merapatkan diri kepada puak Islam sebagai suatu *front* Islam.

Pucuk pimpinan Nahdatul Ulama', tidak Nahdatul Ulama'nya sekarang membawa satu cara yang lalu menjauhkan diri daripada blok Islam dengan nampak ada suatu sebab yang boleh jadi akan menjadikan retak

yang hebat di antara Islam sesama Islam seperti dahulu lagi. Mereka, pucuk-pucuk pimpinan itu, tidak segan kerana mendirikan satu-satu muslihat untuk mereka, bukan untuk Islam, sedia lebih rapat memberikan kerja sama kepada Parti Kebangsaan dan Komunis asalkan sahaja dapat kerusi-kerusi dan daripada adanya kerusi-kerusi itulah diambil peluang, sebagai mana yang pernah diributkan beberapa kali di surat khabar-surat khabar Indonesia, peluang istimewa di dalam ekonomi atau perusahaan diambil dengan lekas oleh pucuk-pucuk pimpinan itu. Dan ini tentunya tidak dapat dinafikan adanya sehingga terbukti sampai diluar negeri - yakni ada perusahaan yang disandarkan kepada keistimewaan yang diambil oleh Nahdatul Ulama' itu.

Selain daripada itu apabila kita memerhatikan di dalam keadaan-keadaan itu maka sistem atau cara yang dipakai oleh Presiden Sukarno untuk menetapkan pendiriannya tidak lain dan tidak bukan: pecah-pecahkan kemudian perintah. Cara ini telah lama dijalankan olehnya dengan bersemboyan persatuan-persatuan dalam corak kebangsaan yang lebih kiri dan sebaliknya diterbitkan pertegangan-pertegangan untuk memecahkan perpaduan umat Islam. Umat Islam dipecah-pecah sebagai penjajahan Belanda dahulu melakukan perpecahan. Kepada Nahdatul Ulama' yang dipimpin oleh Rais al-Akbarnya yang ada sekarang yang dari dahulu menghidupkan api perpecahan itu kepada pengertian-pengertian mazhab dengan memomokkan di hadapan ramai bahawa pengertian-pengertian tidak bermazhab seperti yang dianut oleh Muhammadiyah, persis dan lain-lainnya yang bergabung di dalam Masyumi itu sebagai parti kafir dan inilah cara-cara saranan atau propaganda yang dilakukan oleh mereka diseluruh Jawa adalah pemilihan umum. Hingga sekarang ini, yang pernah pula diucapkan, khabarnya, Kiyai Wahab

tatkala berada di Malaya untuk memisah-misahkan umat Islam di antara satu dengan yang lain sebagai mana yang dibuatnya pada zaman penjajahan dahulu.

Apakah cara ini disedari oleh pemimpin-pemimpin Nahdatul Ulama' akan akibatnya di dalam satu cita-cita yang sama dengan parti lain tatkala hendak menegakkan sebuah negara Islam yang berdaulat di Indonesia? Adakah pemimpin-pemimpin Nahdatul Ulama' insaf bahawa di dalam pengikut-pengikut yang berpecah-pecah itu parti Komunis mendapat kerusi yang banyak di seluruh Indonesia sehingga ia menjadi sebuah parti yang keempat besarnya di dalam parlimen Indonesia? Sudahkah pemimpin-pemimpin itu menginsafi pengajaran-pengajaran yang terbit daripada pemilihan umum sehingga dengannya umat Islam tidak dapat suara sebagaimana yang dijangka, kerana pemimpin-pemimpin Nahdatul Ulama' lebih cenderung kepada parti kebangsaan dan parti Komunis daripada saudaranya umat Islam yang mengucap *Ashhadu an lā Ilāha Illā Allah Muḥammadu Rasūlullah* yang dipandang sesat oleh Kiyai Wahab sebagai Rais al-Akbar Nahdatul Ulama' itu?

Tidakkah kiranya pemimpin-pemimpin Nahdatul Ulama' di Indonesia menginsafi bahawa umat Islam sekarang di Indonesia bukan hanya menghadapi Komunis sahaja bahkan puak kristian, puak *free thinker* yang terkenal dengan puak pancasila yang tidak mahu menegakkan negara Islam sebagaimana yang diwajibkan oleh Tuhan untuk dididrikan oleh Nahdatul Ulama'? Lihatlah keadaan di Sumatera Timur, kejadian Simbulun dengan pengikut-pengikutnya siapa *backing*-nya? Siapa yang menjadi tulang punggung 700,000 umat kristian di Indonesia? Terang dan nyata dari Jerman, dari Eropah, dari Amerika – lihat universiti-universiti mereka dan yang lain-lain. Apakah pemimpin-pemimpin Nahdatul Ulama' melupakan bagaimana saranan dan cara yang dilakukan oleh seseorang Kristian - Amir Sharifuddin - untuk merubahkan negara Indonesia dengan menggunakan Komunis yang dianggapnya kuat

sebagai tulang belakang? Semuanya ini perlu menjadi perhatian umat Islam yang sekarang berpecah belah, yang boleh dipandang kerana menegakkan kedudukan-kedudukan dan faedah-faedah pemimpin-pemimpin sahaja dengan mudah dihadapi oleh puak-puak Pancasila, Komunis dan tidak kurang bahayanya dari Kristian.

Selain daripada itu harus pengikut-pengikut Nahdatul Ulama' tidak melihat suatu cara yang dilakukan oleh pucuk pimpinan pancasila, Presiden Sukarno sendiri, untuk menjadikan kekuasaan pusat itu satu kekuasaan mutlak sehingga apa jua pikiran atau pendapat yang baik yang berfaedah untuk kemakmuran masyarakat yang dikemukakan oleh bekas wakil Presiden Dr Muhammad Hatta selalu ditentangnya. Sebabnya? Kerana tidak lain Hatta berasal dari Sumatera dan Presiden dari Jawa. Apa jua pendapat Hatta yang dikemukakan di hadapan umum di dalam ucapan-ucapannya itu Presiden Sukarno terus menentang sebagai serang balas kepada ucapan-ucapan itu, dengan tujuan tidak lain dan tidak bukan supaya Hatta menyingkirkan diri dari pemerintahan. Untuk Presiden sungguhpun sudah lewat masanya mesti dan dipilih semula namun meletakkan jawatan sebagai yang dilakukan oleh Hatta tidak akan dilakukannya sebab umum sudah mengetahui. Sokongan yang diberi oleh Nahdatul Ulama' kepada puak kebangsaan tidak lain dan tidak tidak bukan kerana kekuatan Nahdatul Ulama' terletak di Pulau Jawa. Sebab keadaan kedaerahan itulah harus Nahdatul Ulama' menegakkan pendiriannya untuk penduduk Pulau Jawa dan kerana itu suara-suara daerah tidak diendahkan. Umum mengetahui bahawa lima puluh million Pulau Jawa itu hanya menghasilkan penghasilan seluruh Indonesia di antara 7 dengan 10 peratus sedang bagi umat daerah-daerah lain bakinya yakni 90 peratus dan daripadanya 70 peratus hasil-hasil dari Pulau Sumatera.

Jika terjadi perpecahan-perpecahan itu maka apabila Sumatera menarik diri dan apabila orang di Sumatera dapat bersatu akibatnya 50 million penduduk Pulau Jawa akan menderita. Umatnya banyak hasilnya sedikit dan sebab itulah untuk menegakkan muslihat tersebut Presiden Sukarno terpaksa mencari satu jalan atau kaedah memecahkan umat Indonesia itu sendiri ke dalam daerah-daerah dan memberikan apa-apa hajat mereka terutamanya dalam keadaan-keadaan seperti sekarang untuk menyelesaikan perkara itu supaya muslihat-muslihat pusat masih dapat dipertahankan.


Sekiranya di daerah-daerah itu masih tidak berpuas hati dan terus berlaku kebangkitan-kebangkitan seperti yang ada sekarang bolehkah tentera-tentera di Jawa akan dapat melanggar daerah seperti Sumatera dan lain-lain itu dengan kekuatan senjata? Jawapannya: Sangat sulit. Sedangkan menghadapi tentera Islam Indonesia di Sulawesi yang diminta oleh Presiden dalam ucapan-ucapannya supaya Kahar Muzakkar dan anak-anaknya keluar kepada masyarakat dengan baik dan “kalau tidak meriam akan berbicara” sebagaimana pernah dilaungkan oleh Presiden Sukarno itu tidak terbunyi oleh meriam itu inikan pula ditambah dengan daerah-daerah lain !! Dalam suatu kenyataan rahsia tentera yang dikemukakan pada wakil Presiden pada tahun 1956

(fotokopinya akan disiarkan di belakang – P) di sana diterangkan dengan jelas bahawa kekuatan-kekuatan tentera Islam lebih kuat, lebih berdisiplin, lebih gagah, lebih berpengaruh daripada tentera kebangsaan Indonesia sendiri. Kerana itu ketua-ketua tentera di daerah Sulawesi mengemukakan bahawa menghadapi tentera Islam itu tidak dapat dilawan dengan tentera tetapi hendaklah melalui saluran-saluran lain dengan cara persaudaraan.

Melihat kepada pengakuan-pengakuan ini di manakah kegagahan Presiden dengan kata-katanya “meriam akan berbicara” itu? Apa pula kata dunia luar dengan kata-kata Presiden yang berdegar-degar padahal di daerah yang dikuasai oleh Republik Indonesia

keadaannya semakin hari semakin perit, semakin menderita, semakin susah, padahal sebahagian besar pemimpin-pemimpin di pusat senang lenang makmur dan menjadi kaya raya di dalam seketika sahaja? – Siapa yang boleh menyokong pemerintah dan yang pandai bermuka-muka pada pemerintah akan dapat bahagian\_ tidak peduli negara hancur, tidak peduli daerah binasa, tidak peduli rakyat menderita. Sebab itulah di dalam kejadian-kejadian yang baharu terjadi suara di daerah menghendaki supaya Jemaah Menteri dibubarkan dan ganti dengan sebuah jemaah menteri yang dipimpin oleh Hatta untuk kemakmuran rakyat tidak untuk kemakmuran setengah-setengah pemimpin. Dan tidak pula membuat suatu cara menghidupkan penjajahan baru dari Jawa ke daerah-daerah itu.

Cubalah perhatikan apa sebabnya Daud Bereueh yang pernah dipanggil abang oleh Presiden Sukarno itu mengadakan perlawanannya- Hal ini akan ditulis dalam keluaran yang akan datang. -bersambung



*Kerana mempertahankan “korup” biarlah rakyat tenggelam-  
karikatur Indonesia Raya.*